

Oleh Rosniza Mohd Taha,  
Nor Rafizah Md Zain dan  
Siti Naquiah Abdillah  
upen@bh.com.my

## Seberang Prai

**M**ahasiswa cemerlang yang diiktiraf menerusi penerimaan Anugerah Tokoh Siswa (ATS) wajar menjadi sumber inspirasi dan ikon kepada pelajar peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh, berkata mahasiswa terabit layak diteladani kerana usaha gigih mereka menjadi modal insan yang holistik dan berdaya saing sejajar keperluan pembangunan ekonomi dan negara.

Katanya, pendedahan meluas diterima tokoh siswa terabit dalam program kepemimpinan dan kesukarelawan disertai berupaya meningkatkan pengetahuan, kemahiran berfikir, bahasa, kepemimpinan, etika, rohani, tahap integrasi dan perpaduan nasional dalam diri mereka.

"Pengiktirafan tinggi seperti ATS diharap dapat memberi suntikan semangat kepada mahasiswa untuk memanfaatkan sepenuhnya tempoh pengajian di IPT bagi melakukan yang terbaik dan mempelbagaikan wadah dalam memberi sumbangan secara proaktif kepada masyarakat," katanya ketika berucap pada Majlis ATS 2014 di Dewan Utama, Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM), Nibong Tebal, di sini, baru-baru ini.

### Cipta sejarah

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi, Prof Datuk Dr Asma Ismail; Pengerusi Lembaga Gabenor USM, Tan Sri Dr Zulkefli A Hassan serta Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Omar Osman.

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mencatat sejarah tersendiri apabila menggondol tujuh daripada 19 anugerah dipertandingkan termasuk dua pengiktirafan utama iaitu Anugerah Menteri Pendidikan dan Anugerah Tokoh Sukarelawan Siswa yang diraih oleh Ju Ariana Ibrahim.

Pelajar universiti itu turut meraih Anugerah Sukarelawan Terbaik, Pemimpin Program Sukarelawan Terbaik, Pemimpin Program Keusahawanan Terbaik, Pemimpin Badan Beruniform Terbaik serta Pemimpin

Penerima pengiktirafan utama ATS 2014, Mohamad Shafiq dan Ju Ariana.



» Penerima ATS jadi sumber inspirasi kepada pelajar lain

Program Kebudayaan Terbaik.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim menzahirkan rasa bangga dengan kecemerlangan pelajar universiti itu dalam bidang akademik dan kokurikulum.

### Anugerah khas

"Alhamdulillah, kejayaan besar dalam majlis penganugerahan ATS kali ini memihak kepada UniSZA, sekali gus membuktikan kejayaan hasil kerja keras pelajar dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar.

"Pihak universiti sentiasa menyokong penuh aktiviti-pelajar, di samping menitikberatkan kemahiran insaniah dan pencapaian akademik yang memberangsangkan," katanya.

Buat julung kali Anugerah Penghar-

gaan Khas diperkenalkan sempena majlis kali ini sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian pelajar pada peringkat antarabangsa.

Seramai enam penerima meraih anugerah itu berikutan kejayaan mengharumkan nama universiti dan negara dalam pertandingan reka bentuk, penyelidikan, debat dan simulasi prosiding mahkamah (Moot Court).

Penerima Anugerah Menteri Pendidikan menggondol hadiah wang tunai RM3,000; trofi dan sijil, manakala dua lagi penerima anugerah kategori utama meraih wang tunai RM1,500.

Pemenang kategori kepemimpinan dan kesukarelawan turut meraih wang tunai RM1,000 manakala penerima Anugerah Penghargaan Khas menerima trofi dan sijil.

# Tokoh Siswa



"Pengiktirafan tinggi seperti ATS diharap dapat memberi suntikan semangat kepada mahasiswa untuk memanfaatkan sepenuhnya tempoh pengajian di IPT"

Idris Jusoh  
Menteri Pendidikan II

## INFO

### Senarai pemenang ATS 2014

#### Kategori Utama

- 1) Anugerah Menteri Pendidikan - Ju Ariana Ibrahim (UniSZA)
- 2) Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa - Mohamad Shafiq Kamaruddin (USM)
- 3) Anugerah Tokoh Sukarelawan Siswa - Ju Ariana Ibrahim (UniSZA)

#### Kategori Kepemimpinan

- Anugerah Pemimpin Kolej Kediaman Terbaik - Muhammad Hanif Ramlan (Universiti Putra Malaysia)
- Anugerah Pemimpin Kelab/Persatuan Terbaik - Nasrul Ali Hasan Abdul Latif (Universiti Teknologi MARA)
- Anugerah Pemimpin Program Inovasi Terbaik - Kanthaan Sivapathy (Universiti Teknikal Malaysia Melaka)
- Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan Terbaik - Mohamad Firdaus Ahmad (UniSZA)
- Anugerah Badan Beruniform Terbaik - Intan Lyiana Zainal Abidin (UniSZA)
- Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan Terbaik - Wan Hezreen Nadia Wan Ismail (UniSZA)
- Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam Terbaik - Dayang Nazidah Awang Suhaili (Universiti Teknologi MARA)
- Anugerah Pemimpin Program Kepemimpinan Terbaik (Terbuka) - Mohamad Shafiq Kamaruddin (USM)
- Anugerah Pemimpin Harapan - Mohd Faridzuan Karim (Universiti Malaya)

#### Kategori Kesukarelawan

- Anugerah Sukarelawan Kesejahteraan Komuniti Terbaik - Banu Tanchang Kaundan (Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Anugerah Sukarelawan Pembangunan Belia Terbaik - Ling Tian Wong (Universiti Putra Malaysia)
- Anugerah Sukarelawan Alam Sekitar Terbaik - Wee Soon Kit (USM)
- 4) Anugerah Sukarelawan Terbaik (Terbuka) - Ju Ariana Ibrahim (UniSZA)
- Anugerah Pemimpin Program Sukarelawan Terbaik - Muhammad Nursyazwan Zainudin (UniSZA)
- Anugerah Sukarelawan Harapan - Farhan Noor Ishak (Universiti Kebangsaan Malaysia)
- Anugerah Pasukan Kesukarelawan Terbaik - Umission Club (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia)

#### Penerima Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan

- Choo Wen Chun (Universiti Kebangsaan Malaysia) - Juara International Air and Space Law Academy Space Law Moot Court Competition di Australia dan Perancis)
- Lilian Lee (Universiti Kebangsaan Malaysia) - Juara International Air and Space Law Academy Space Law Moot Court Competition di Australia dan Perancis)
- Azwan Abdullah (Universiti Teknologi MARA) - Juara keseluruhan Asia Pacific Design Competition for Visually Impaired di Hong Kong, China)
- Zulfawaz Mohamad (Universiti Sains Islam Malaysia) - Pingat emas British Invention Show, London)
- Soh Sin Siang (USM) - Juara Hilti IT Innovation Competition, Switzerland)
- Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Universiti Islam Antarabangsa Malaysia) - OCTO Finalis Chemai World Universities Debating Championship, Chennai, India, Naib Juara NTO United Asian Debating Championship, Singapura)



Barisan mahasiswa cemerlang yang menerima ATS di Pulau Pinang, baru-baru ini.